

# BETACLOB CREAM

Clobetasol Propionate (0.5mg/1g)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Betaclob cream
2. Bagaimana Betaclob cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Betaclob cream
4. Cara menggunakan Betaclob cream
5. Semasa menggunakan Betaclob cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Betaclob cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Betaclob cream

Untuk merawat masalah kulit sederhana hingga teruk yang menyebabkan keradangan atau gatal-gatal, seperti psoriasis, ekzema, *lichen planus*, *discoïd lupus erythematosus*, dan keadaan lain yang tidak bertambah pulih dengan rawatan ubat steroid potensi rendah.

## Bagaimana Betaclob cream berfungsi

Betaclob Cream mengandungi ubat yang dipanggil Clobetasol Propionate. Clobetasol Propionate tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil steroid potensi tinggi. Ia membantu mengurangkan bengkak dan kerengsaan.

## Sebelum menggunakan

### Betaclob cream

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Betaclob Cream:

- jika anda mengalami kemerahan muka
- jika anda mempunyai jerawat dan benjolan di sekitar mulut
- untuk kanak-kanak berumur bawah 12 tahun, termasuk untuk ruam lampin
- untuk luka kulit yang disebabkan oleh jangkitan virus (seperti *herpes simplex*, cacar air), kulat (seperti *candidiasis*, *tinea*) atau bakteria (seperti *impetigo*)
- jika anda alah kepada Clobetasol atau

mana-mana bahan lain yang terkandung dalam produk ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).

### Sebelum menggunakan Betaclob cream

Maklumkan kepada ahli farmasi atau doktor anda:

- jika anda mempunyai sebarang masalah perubatan atau alahan.
- jika anda mempunyai kulit yang nipis.

Penggunaan Betaclob Cream tidak disyorkan pada kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah, melainkan dinasihatkan oleh doktor anda.

Mengandung dan menyusukan anak  
Jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, atau sedang menyusukan anak, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini.

Ubat kortikosteroid tidak boleh digunakan pada wanita hamil dalam jumlah yang banyak atau untuk tempoh masa yang berpanjangan.

Berhati-hati apabila Betaclob Cream digunakan oleh wanita yang menyusu.

Jangan sapukan Betaclob Cream pada payudara sebelum menyusu.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

### **Cara menggunakan Betaclob cream**

- Berapa banyak harus digunakan

Sapukan pada kawasan kulit yang terjejas dua atau tiga kali sehari.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi andadengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika andatidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada

doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Sapukan dua atau tiga kali sehari sehingga masalah kulit bertambah pulih atau seperti diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan Betaclob Cream untuk jangka masa yang pendek atau seperti yang disyorkan oleh doktor anda.

Elakkan penggunaan jangka panjang ubat ini terutamanya pada kanak-kanak, kerana ia boleh menjejaskan kelenjar adrenal mereka dengan mudah. Jika digunakan pada kanak-kanak, disyorkan bahawa rawatan harus dikaji semula dengan lebih kerap.

Seperti sediaan steroid topikal lain yang kuat, penggunaan Betaclob Cream harus dihentikan apabila masalah kulit terkawal. Dalam keadaan yang lebih responsif, ini mungkin dalam masa beberapa hari. Jika tempoh rawatan yang lebih lama diperlukan, adalah disyorkan bahawa rawatan tidak boleh diteruskan selama lebih daripada 4 minggu melainkan dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan hentikan penggunaan krim secara tiba-tiba tanpa berbincang dengan doktor anda terlebih dahulu. Anda mungkin perlu mengurangkan kekerapan penggunaan secara beransur-ansur untuk mengelakkan masalah kulit yang dirawat menjadi lebih teruk daripada sebelum ini, contohnya penyakit psoriasis.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Sapukan krim sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk menyapu dos seterusnya mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan

# BETACLOB CREAM

Clobetasol Propionate (0.5mg/1g)

dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

**- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebihdos)**

Bagi penggunaan kortikosteroid topikal, masalah dos yang berlebihan besar kemungkinan tidak akan dihadapi.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda mengalami sebarang masalah selepas menggunakan terlalu banyak ubat ini.

**Semasa menggunakan Betaclob cream**

**- Perkara yang perlu dilakukan**

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Betaclob cream.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

**- Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Elakkan keadaan yang meningkatkan penyerapan sistemik, seperti penggunaan pada kawasan permukaan kulit yang besar, penggunaan berpanjangan dan pembalut yang memerangkap kelembapan, kerana kebarangkalian anda mendapat kesan sampingan akan meningkat.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Betaclob cream dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

Jangan sapukan di dalam atau di sekeliling mata anda.

**- Perkara yang perlu diberi perhatian**

- Jika anda mengalami sebarang

jangkitan pada kawasan di mana Betaclob Cream digunakan, hentikan penggunaan ubat ini dan dapatkan nasihat doktor anda.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Betaclob cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan yang telah dilaporkan termasuk gula darah tinggi, gula dalam air kencing, dan penurunan aktiviti sebahagian sistem saraf dan hormon, iaitu paksi hipotalamus-pituitari-adrenal (HPA). Kesan sampingan yang lebih jarang berlaku adalah perubahan kulit, seperti rasa terbakar, gatal-gatal, kerengsaan, kekeringan, tanda regangan, penipisan kulit, dan perubahan warna kulit.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) (*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Betaclob Cream**

**- Penyimpanan**

Simpan di tempat yang dingin dan kering di bawah suhu 30°C

Lindungi daripada cahaya

dan pembekuan

Untuk kegunaan luar sahaja.

Pastikan bekas tertutup rapat.

**- Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam

sekitar.

**Maklumat lanjut**

**- Rupa dan warna produk**

Krim sekata yang berwarna putih.

**- Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif

Clobetasol propionate

-Bahan tidak aktif

Cetostearyl alcohol, cetomacrogol,

liquid parafin, white soft parafin,

Propylene glycol, chlorocresol,

Sodium phosphate monobasic,

Disodium E.D.T.A dan purified water

**- Nombor MAL**

MAL20002521AZ

**Pengilang**

NORIPHARMA SDN. BHD.

Lot 5030, Jalan Teratai.

5 1/2 Mile Off Jalan Meru,

41050 Klang, Selangor, Malaysia

**Pemegang Pendaftaran Produk**

PAHANG PHARMACY SDN. BHD.

Lot 5979, Jalan Teratai.

5 1/2 Mile Off Jalan Meru,

41050 Klang, Selangor, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

01/03/2024

**Nombor Siri:**

NPRA(R4/1)110124/00003